

D259

U B255 AAB

MAHATHIR - PRODUKTIVITI

(I)

KUALA LUMPUR, 3 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH MENERIMA KENYATAAN BAHAWA NEGARA TELAH KEHILANGAN DAYA BERSAING DALAM PERDAGANGAN KOMODITI DAN MENERIMA KEDUDUKAN YANG KURANG SELESA KETIKA NEGARA MENYESUAIKAN DIRINYA DENGAN KEADAAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP RAKYAT PERLU MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN ITU DAN BERUSAHA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI UNTUK HIDUP DAN MENERIMA KEADAAN YANG TIDAK SELESA YANG WUJUD EKORAN PERUBAHAN YANG DIRANCANG DARIPADA MENDERITA AKIBAT PERUBAHAN YANG DIPAKSAKAN KE ATAS MEREKA.

+JIKA KITA MENERIMA HAKIKAT INI, ADA PELUANG KEJAYAAN AKAN TERCAPAI DAN MENGHADAPI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK,+ KATANYA DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERSIDANGAN PRODUKTIVITI ANTARABANGSA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

+YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN APABILA IA MENUKAR RANCANGANNYA DAN MEMBENTANGKAN BELANJAWAN TERBARUNYA IALAH UNTUK MENYEDARKAN RAKYAT MENGENAI KEADAAN YANG DIHADAPI. KITA PERLU BERUBAH SIKAP KALAU TIDAK KITA AKAN MENGHADAPI KEADAAN YANG LEBIH BURUK,+ TAMBAHNYA.

KIRA-KIRA 20 NEGARA DARI ASIA DAN EROPAH TERMASUK INDIA, PAKISTAN, HONG KONG, MALAYSIA, PERANCIS DAN UNITED KINGDOM MENYERTAI PERSIDANGAN EMPAT HARI ITU YANG DIANJURKAN OLEH PERTUBUHAN PRODUKTIVITI ASIA (APO) DAN DILAKSANAKAN OLEH PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA (PDPN). -- LAGI  
1242MST 03 11 86

D276

U B269 AAB

MAHATHIR - PRODUKTIVITI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN LAIN SELAIN MEMASUKI DAN BERGANTUNG KEPADA BIDANG-BIDANG BARU SEPERTI PEMBUATAN, PRODUKTIVITI YANG TINGGI AMAT PENTING.

SEBAGAI LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI NEGARA, KATANYA, KERAJAAN MENGURANGKAN KERENAH PENTADBIRAN, MENSWASTAKAN AGENSI-AGENSINYA, MEMPERBAIKI INFRASTRUKTUR DAN MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PROJEK-PROJEK DAN KEGIATAN-KEGIATAN KEUTAMAAN YANG DAPAT MEMEBERI SUMBANGAN KEPADA PERLUASAN EKONOMI.

KATANYA SEKTOR SWASTA, PARA PENIAGA, KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN BADAN-BADAN PROFESIONAL PERLU MEMBERI TUMPUAN KEPADA PRODUKTIVITI.

+SETIAP PIHAK PERLU MEMERIKSA DIRI SENDIRI SAMA SEPERTI IA MENGAJAI SECARA KRITIKAL PERANAN PIHAK-PIHAK LAIN BAGI MEMPERBAIKI PRODUKTIVITI,+ TAMBAHNYA.

KATANYA PRODUKTIVITI TIDAK AKAN MENINGKAT JIKA PARA PROFESIONAL, +YANG BIASANYA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KEBERATAN KELUAR DARIPADA BILIK-BILIK MEREKA YANG BERHAWA DINGIN+, TERUS BERGANTUNG KEPADA MENULIS NOTA-NOTA.

KATANYA KEBANYAKAN PENGURUS JUGA KURANG BERPENGETAHUAN MENGENAI BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN, LOMBONG DAN ESTET KERANA MEREKA JUGA BERGANTUNG KEPADA KERTAS-KERTAS DAN LAPORAN DAN MENGHARAPKAN KERJA DAPAT DIJALANKAN HANYA DENGAN MENULIS NOTA.

MENGENAI PARA PEKERJA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +TRAGEDI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN IALAH SEDANGKAN EKONOMI MEREKA HANYA SETANDING DENGAN EKONOMI EROPAH MUNGKIN PADA ABAD YANG KE-17 ATAU 18, ETIK DAN HARAPAN MEREKA IALAH SEPerti EROPAH MASA KINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEKERJA PERLU MEMPUNYAI HAK MEREKA TETAPI HENDAKLAH MENGIKUT KEMAMPUAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA HAK-HAK PEKERJA HENDAKLAH DISERTAI OLEH SUMBANGAN KEPADA PRODUKTIVITI DAN JIKA APA YANG DIHASILKAN TIDAK DAPAT BERSAING DALAM PASARAN, AKIBATNYA IALAH KEHILANGAN PEKERJAAN.

+HAK TIDAK BERERTI TANPA PEKERJAAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI  
1329MST 03 11 86

### MAHATHIR - PRODUKTIVITI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH PERDAGANGAN DAN PERSAINGAN BEBAS YANG KATANYA PENTING BAGI PENCAPAIAN PRODUKTIVITI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUPAYA BARANG-BARANG PEMBUATAN MEREKA BOLEH DIJUAL.

KATANYA JIKA PRODUKTIVITI NEGARA-NEGARA KECIL DIGAGALKAN OLEH KUOTA, PERLINDUNGAN DAN SUBSIDI, MEREKA TIDAK HARUS BERPUTUS ASA TETAPI MESTI LEBIH CEKAP DAN PRODUKTIF LAGI.

ITULAH SEBABNYA MALAYSIA TERUS BERUSAHA MEMPERTINGKAT PRODUKTIVITI YANG, SELAIN LANGKAH-LANGKAH LAIN, KEKAL MENJADI FAKTOR UTAMA DALAM STRATEGI NEGARA, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA PRODUKTIVITI TIDAK BERERTI HANYA BEKERJA KERAS DAN LEBIH MASA TETAPI KOS UNTI PERLU DIKURANGKAN DAN LEBIH BANYAK WANG DIPERUNTUKAN BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DALAM SEMUA SEKTOR.

PEMBANGUNAN SUMBER-SUMBER MANUSIA, SELARAS DENGAN TEMA PERSIDANGAN +PRODUKTIVITI MELALUI MANUSIA DALAM ZAMAN PERUBAHAN TEKNOLOGI+, PENCAPAIAN DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI JUGA MENYUMBANG KE ARAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI, KATANYA. -- BERNAMA  
1354MST 03 11 86